

SH 2/4/09 MBS TIS

Lawatan ke UMT buka minda belia

KAMPUNG BULUH - Program lawatan adalah salah satu aktiviti terbaik yang mampu memberikan pendedahan kepada belia mengenai sesuatu perkara, bukan sekadar dari aspek ilmu pengetahuan tetapi juga sosialisasi, seterusnya dapat membuka minda mereka.

Pengerusi Persatuan Sinaran Belia MAYC Kampung Buluh, Anuar Hamzah berkata, menyedari hakikat dan kepentingan itu, pihaknya mengadakan Lawatan Mesra Rakan Muda ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kelmarin, yang disertai 40 ahli Rakan Muda.

Menurut Anuar, program berkenaan bukan sahaja bagi memastikan konsep persatuan iaitu 'satu konsep satu aktiviti' terus terlaksana, tetapi juga bagi mengeratkan hubungan antara penuntut UMT dengan belia dari daerah ini.

"Sebelum ini, UMT sering bertandang ke sini

menjayakan program seperti anak angkat, tetapi kali ini, kita pula yang mengadakan lawatan ke sana.

"Melalui pendekatan ini, ia mampu membuka minda belia terlibat mengenai sesuatu perkara dan secara tidak langsung merangsang mereka untuk turut sama belajar sehingga ke peringkat menara gading," katanya.

Menurutnya, antara pengisian yang diadakan sepanjang program itu adalah taklimat mengenai peluang pendidikan di UMT, ceramah motivasi, sukarela dan lawatan ke sekitar kampus UMT.

"Paling penting, aktiviti seumpama ini mampu memberi suntikan semangat kepada peserta terlibat untuk terus mencapai kecemerlangan terutama dari aspek akademik," katanya kepada **Sinar Harian**, di sini, semalam.

Menurut Anuar, program lawatan itu juga se-



● Sebahagian peserta yang mengikuti Lawatan Mesra Rakan Muda ke UMT mengabadikan kenangan di kampus UMT.

cara tidak langsung memperlihatkan kepelbagaian konsep dan bentuk aktiviti dianjurkan pihaknya me-

libatkan belia atau remaja dengan objektif utama, bagi membentuk jati diri cemerlang dan mengerat-

kan silaturahim. "Contohnya, program yang diadakan sebelum ini adalah gotong-royong ke-

bersihan, aktiviti kerohanian sepanjang Ramadan dan pertandingan memancing," katanya.